

RINGKAS PANDUAN KEPENTINGAN PENGETAHUAN ELEKTRIK - “HARTA SELAMAT MELALUI PENGURUSAN BIJAK”.

1. GUNAKAN PEMUTUS LITAR BOCOR KEBUMI

Pemutus Litar Bocor Kebumi (PLBK) kendalian arus mesti ada pada setiap pemasangan elektrik yang dipasang di papan suis utama di rumah anda. PLBK Kendalian Arus mampu melindungi dari renjatan elektrik dan kebakaran.

1.1 Kadar PLBK kendalian Arus:

- i. Kegunaan di rumah-rumah ialah 100mA.
- ii. Khas untuk setiap pemasangan pemanas air ialah 30mA.

1.2 Bagaimana memastikan perlindungan PLBK sentiasa berfungsi?

Punat Tekan Uji hanya perlu ditekan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ia akan berkeadaan baik apabila ia terpelantik dengan serta merta. Jika tidak ia perlu ditukar melalui kontraktor yang berdaftar.

PLBK Kendalian Voltan kegunaannya telah dimansuhkan. Jika masih menggunakannya pada setiap pemasangan hendaklah menukarkannya dengan PLBK Kendalian Arus yang mempunyai label keselamatan SIRIM. LAKUKAN PENUKARAN SEGERA.



2. PENGGUNAAN PALAM KUASA 3 PIN DAN 2 PIN

2.1 Palam Kuasa 3 pin dan wayar 3 teras perlu digunakan bagi peralatan yang badannya diperbuat daripada logam contohnya pembakar roti dan cerek elektrik. Gunakan Palam Kuasa yang pinnya bersalut, bagi meningkatkan keselamatan.

2.2 Palam Kuasa 2 pin dan wayar 2 teras hanya diperlukan bagi peralatan yang badannya diperbuat dari plastik, contohnya radio dan pengering rambut.



Palam 3 Pin.



Palam 3 pin.



Palam 2 pin.

2.3 Sambungan peralatan elektrik tidak boleh dilakukan kepada mata lampu. Perlu menggunakan punca kuasa yang sesuai.



3. MENGGUNAKAN PERALATAN YANG TIDAK SEMPURNA

3.1 Penggunaan palam kuasa dan soket yang telah pecah dan usang sangat berbahaya. Ia perlulah diganti.



3.2 Peralatan elektrik yang telah pecah tidak boleh digunakan kerana ia membahayakan.



3.3 Peralatan elektrik yang bermutu rendah yang tiada kelulusan oleh Suruhanjaya Tenaga atau tanpa label keselamatan SIRIM tidak boleh digunakan.




4. BIJAK MENGURUS, HARTA SELAMAT

4.1 PERIKSA alat-alat elektrik anda agar suisnya dimatikan apabila selesai digunakan.



4.2 TIDAK BOLEH melakukan sambungan terhadap fuis yang terputus dengan dawai biasa. Mestilah menggunakan fuis yang sepatutnya.



4.3 PERIKSA barangan elektrik supaya tiada penghalangan terhadap pergerakan motor bagi barangan elektrik yang bermotor sehingga menyebabkan ia boleh terhenti sendiri.



4.4 TIDAK BOLEH mendedahkan kawasan pendawaian terhadap keadaan yang menjejaskan atau membakar seperti haba, wap, tekanan, digigit tikus atau sebagainya.

